

## **Najib Peroleh Lanjutan Injunksi Sementara Halang Pua Terus Memfitnahnya**

**Last update: 08/06/2017**

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Mahkamah Tinggi hari ini melanjutkan perintah injunksi sementara yang diperoleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bagi menghalang anggota Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua Kiam Wee daripada terus memfitnahnya berhubung satu klip video yang dimuat naik di Facebook.

Peguam Datuk Mohd Hafarizam Harun, yang mewakili Najib memaklumkan perkara itu kepada pemberita selepas kes disebut di dalam kamar Hakim Datuk Mohd Zaki Abdul Wahab hari ini yang turut dihadiri peguam Gobind Sigh Deo, mewakili Pua.

Mohd Hafarizam berkata perintah injunksi sementara itu dilanjutkan sehingga permohonan injunksi inter-parte atau antara pihak diputuskan oleh mahkamah pada 4 Julai.

Beliau berkata pada prosiding hari ini, pihak-pihak yang terlibat telah menukar hujahan bertulis berhubung permohonan injunksi inter-parte itu dan sekiranya terdapat hujahan balas, ia perlu difailkan sebelum atau pada 29 Jun ini.

Pada 21 April lepas, Hakim Abu Bakar Jais membenarkan permohonan Najib bagi mendapatkan perintah injunksi sebelah pihak atau ex-parte untuk menghalang Pua selaku defendan daripada menerbitkan perkataan sama atau serupa seperti yang terkandung dalam kenyataan defendan itu.

Najib memohon injunksi sebelah pihak berasaskan kebimbangan peribadinya dan betapa seriusnya kenyataan memfitnah itu yang boleh menjejaskan kedudukannya sebagai perdana menteri, menteri kewangan serta pemimpin sebuah parti politik.

Pada 21 April lepas, Najib atas kapasiti peribadinya menyaman Pua atas dakwaan memfitnah berhubung kenyataan Pua dalam "live video" berkaitan pembentangan Rang Undang-Undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau RUU355.

Dalam pernyataan tuntutan, Najib selaku plaintif mendakwa Pua telah membuat satu kenyataan di ruang legar Bangunan Parlimen pada 6 April lepas, yang telah dirakamkan dan dimuat naik oleh defendan dan/atau ejen-ejennya dalam Facebook rasminya 'Tony Pua'.

Plaintif mendakwa klip video berdurasi dua minit dan 21 saat itu bertajuk "BN Govt abandons all Bills to give precedence to PAS RUU355 Private Member's Bill", boleh diakses dan ditonton secara meluas dan mudah di internet.

Najib mendakwa kenyataan dalam 'live video' itu mengandungi perkataan yang merujuk secara spesifik kepadanya dan membawa maksud bahawa beliau telah menyalahgunakan kuasa dengan memberi arahan melalui Kabinet kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat agar memberi laluan kepada anggota Parlimen Marang untuk mengusulkan Rang Undang-Undang Persendirian dan mengetepikan Rang Undang-Undang yang lain.

Najib turut memohon ganti rugi am, tambahan, teladan, faedah dan satu perintah injunksi bagi menahan defendan atau ejen-ejennya dalam apa cara sekali pun daripada menerbitkan lebih lanjut perkataan-perkataan fitnah terhadapnya selain memohon perintah supaya Pua mengeluarkan 'live video' itu daripada laman Facebook beliau dengan serta-merta.

--BERNAMA

© 2017 BERNAMA. All Rights Reserved. Disclaimer | Privacy Policy | Security Policy

Source <http://www.bernama.com/bernama/v8/newsindex.php?id=1362936>